

Untuk kerja baik pulih akibat banjir, tanah runtuh, hakisan pantai di seluruh negara

# RM1.6 bilion bantuan bencana

**KUALA NERUS** – Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar diperuntukkan sebanyak RM1.6 bilion setahun untuk kerja-kerja baik pulih akibat bencana alam seperti banjir, tanah runtuh dan hakisan pantai.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, peruntukan untuk seluruh negara itu khas untuk membina benteng hakisan ombak, kawasan tebatan banjir, pengairan serta saluran dan tembok di cerun-cerun bukit selain beberapa lagi kerja baik pulih akibat bencana alam lain.

“Semua peruntukan ini kita kekalkan dan tidak akan dipotong walaupun kerajaan ketika ini mengambil langkah berjimat-cermat dalam perbelanjaan,” katanya kepada pemberita selepas meninjau projek pencegahan hakisan pantai di Pantai Tok Jembal di sini semalam.

Hadir sama Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Terengganu, Ir. C. Poobalan.

Wan Junaidi memberitahu, JPS diperuntukkan RM1.2 bilion setahun khas untuk kerja-kerja segera mengatasi masalah hakisan pantai di seluruh negara.

Katanya, dana tersebut untuk projek



WAN JUNAIDI (kanan) bersama Poobalan (dua dari kanan) meninjau projek pencegahan hakisan pantai di Pantai Tok Jembal, Kuala Nerus semalam.

segera yang perlu dilakukan di kawasan terjejas teruk akibat hakisan khasnya dalam membina benteng hakisan ombak berdekatan kawasan kediaman dan pembangunan selain projek pembinaan benteng pemecah ombak untuk tempoh jangka panjang.

Di Terengganu, sebanyak RM13 juta

diperuntukkan untuk kerja-kerja segera pembinaan projek pengawalan hakisan di Pantai Tanjung Gelam di Dungun, Pantai Teluk Lipat (Dungun), Pantai Rusila (Marang), Pantai Bukit Keluang (Besut) dan Pantai Kemasik (Kemaman).

“JPS negeri telah diarahkan untuk memastikan projek itu dapat disiapkan

dalam tempoh enam ke tujuh bulan pada tahun ini iaitu sebelum tibanya musim tengkujuh.

“Terengganu mempunyai pantai sepanjang 244 kilometer dan semua kawasan adalah berpotensi untuk diancam masalah hakisan akibat daripada ombak laut,” ujarnya.



KERJA-KERJA menambak semula tebing pantai yang runtuh serta terhakis akibat dibadai ombak besar dijalankan di Jalan Pantai Teluk Lipat, Dungun baru-baru ini.